



**PEPERIKSAAN AKHIR SESI FEBRUARI/2023
FINAL EXAMINATION SESSION 2023/FEBRUARY**

NAMA KURSUS (COURSE NAME)	:	MODIFIKASI TINGKAH LAKU
KOD KURSUS (COURSE CODE)	:	KMT6313
PROGRAM (PROGRAMME)	:	ISMK
TEMPOH (DURATION)	:	3 JAM 00 MINIT
PENSYARAH (LECTURER)	:	NAJAH BINTI MAT RAFAE

ARAHAN (INSTRUCTIONS) :

1. Kertas soalan ini mengandungi **4** helaian bercetak termasuk muka hadapan.
This question paper consists of 4 printed pages including the cover page.
2. Calon dikehendaki menjawab **SEMUA** soalan di dalam **buku jawapan**.
Candidates are required to answer ALL questions in answer booklet.
3. Pada akhir peperiksaan, serahkan kertas soalan dan jawapan.
At the end of the examination, please submit the question and answer papers.
4. Pastikan anda menulis nama, nombor matrik, nombor kad pengenalan dan kumpulan pada kertas soalan.
Please write down your name, matric number, IC @ passport number, and group on the question paper.

NO. Matrik :
MATRIC NUMBER

KUMPULAN: _____
GROUP

NO. KAD PENGENALAN :
I/C @ PASSPORT NUMBER

NAMA PELAJAR: _____
STUDENT'S NAME

**JANGAN BUKA BUKU SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU
DO NOT OPEN THIS BOOKLET UNTIL INSTRUCTED**

ARAHAN: Kertas soalan ini mengandungi **LIMA (5)** soalan. Anda dikehendaki menjawab semua soalan

1. Berikan definisi bagi konsep-konsep berikut:

- i. Tingkah Laku Manusia (4 Markah)
- ii. Modifikasi Tingkah Laku (4 Markah)
- iii. Jelaskan **TIGA (3)** ciri tingkah laku dengan memberikan contoh yang sesuai. (6 Markah)
- iv. Prosedur modifikasi tingkah laku telah digunakan dalam banyak bidang untuk membantu individu mengubah pelbagai tingkah laku yang bermasalah.

Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan **TIGA (3)** bidang yang sesuai bagi mengaplikasi prosedur modifikasi tingkah laku. (6 Markah)

2. Jawab soalan-soalan berikut:

- i. Apakah yang perlu dilakukan oleh ahli terapi untuk mengenalpasti punca seseorang individu terikat dengan tingkah laku yang bermasalah? (4 Markah)
- ii. Jelaskan konsep yang digunakan bagi mengenalpasti proses pembentukan tingkah laku seseorang individu. (6 Markah)
- iii. Berikan **EMPAT (4)** prinsip modifikasi tingkah laku. (4 Markah)
- iv. *Behavioral assessment* dapat membantu terapis mengenalpasti kaedah rawatan yang terbaik dan sesuai dalam proses mengubah tingkah laku bermasalah seseorang individu.

Jelaskan **DUA (2)** kaedah penilaian yang terdapat dalam *behavioral assessment* dengan memberikan contoh yang sesuai. (6 Markah)

3. Jawab soalan-soalan berikut:

- i. Jelaskan konsep *punishment* (4 Markah)
 - ii. Huraikan konsep *positive punishment* dan *negative punishment* dengan contoh yang sesuai. (4 Markah)
 - iii. Jelaskan **DUA (2)** faktor yang dapat mempengaruhi keberkesanan *punishment* dalam proses perubahan tingkah laku seseorang individu. (4 Markah)
 - iv. Bincangkan **EMPAT (4)** isu atau masalah yang perlu dipertimbangkan apabila menggunakan kaedah punishment dalam modifikasi tingkah laku. (8 Markah)
4. Huraikan perkara-perkara berikut:
- i. Apakah yang dimaksudkan dengan konsep peneguhan? (4 Markah)
 - ii. Berikan **DUA (2)** perbezaan antara peneguhan positif dan peneguhan negatif. (4 Markah)
 - iii. Bincangkan **TIGA (3)** faktor yang mempengaruhi keberkesanan peneguhan. (6 Markah)
 - v. Jelaskan konsep peneguhan bersyarat dan peneguhan tidak bersyarat. (6 Markah)

5.

Contoh Kes:

Tommy seorang kanak-kanak lelaki berusia 4 tahun dirujuk oleh ibunya kepada ahli terapi kerana bertingkah laku tidak sesuai sehingga menyebabkan ibunya kurang selesa dan merasa tertekan. Tommy akan menjerit, menangis, menghentak kaki serta menghentak kepala ke dinding apabila tidak dilayan oleh ibunya untuk diajak bermain. Setiap kali Tommy bertingkah laku sedemikian, ibunya akan mengikut permintaan Tommy untuk bermain dan perkara itu akan berulang-ulang setiap kali.

Berdasarkan contoh kes di atas, anda dikehendaki mengenalpasti perkara-perkara berikut:

- i. Isu yang dihadapi Tommy.
- ii. Isu sebenar yang dihadapi.
- iii. Kenalpasti konsep-konsep yang membentuk tingkah laku Tommy.
- iv. Membuat perancangan rawatan untuk mengubah tingkah laku Tommy.

(20 Markah)

SOALAN TAMAT